



Buletin

Ramadan 1446H/Mac 2025

ACIS

Hikmah Ramadan: Kewangan, Spiritual & Era Teknologi Moden

eISSN 2600-8289



9 77 2600 8280 01

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Nasif Sidquee Pauzi
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah
Nasif Sidquee Pauzi
Dr Mohamad Redha bin Mohamad

Sidang Pengarang:

Siti Nurhidayah Binti Md Tahir
Mustafa Kamal Mat & Saflina Azis
Shahril Anuar Abdul Ghalim
Nurul Nisha Mohd Shah & Mohd Radzman Basiron
Nuruul Hidayah Mansor
Nasif Sidquee Pauzi

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1 70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan

Keterangan:

Pengarang bertanggungjawab sepenuhnya
terhadap artikel yang dihantar dari segi
ketepatan fakta dan bebas daripada unsur
plagiat, terjemahan atau
penyiaran di mana-mana penerbitan.
Artikel menjadi milik ACIS UiTM Negeri
Sembilan untuk disunting, dicetak dan
diterbitkan.

Berminat untuk menerbitkan artikel
akademik atau kreatif?

Hantarkan ke
buletinacisnsdk@gmail.com

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca
budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS
siri ke-75** pada bulan Februari 2025 yang mempunyai
e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan
ini bertemakan “**Hikmah Ramadan: Literasi
Kewangan, Spitual dan Era Teknologi**”. Selain itu,
bermula Jan 2025 telah memperkenalkan satu ruangan
baharu yang dinamakan **Serambi Wahyu** serta terdapat
banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam
keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat
memberi manfaat kepada para pembaca dan warga
UiTM semua.

Isi Kandungan

Transformasi Ibadah Ramadan dalam
Era Teknologi Moden **3**

Hikmah Ramadan: Memartabatkan
Literasi Kewangan Individu **5**

Kritikan Penyiaran: Memperkasakan Program
Bertemakan Keagamaan di Bulan Ramadan **7**

Puisi: Ramadan Merintis Celik Kewangan **8**

Memupuk Motivasi Diri Melalui
Amalan Spiritual Di Era Digital **9**

Puisi: Dengar dan Lihatlah Insan **11**

Seindah Jalinan Ukhwah **12**

Jalinan Mahabbah ke Pejabat Penolong Rektor
Kampus Seremban **13**

eISSN 2600-8289



HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini
diterbitkan secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

Transformasi Ibadah Ramadan dalam Era Teknologi Moden



Oleh:
Siti Nurhidayah Md Tahir
Pensyarah Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.

Di tengah pesatnya perkembangan era digital, ibadah puasa Ramadan mengalami transformasi signifikan dengan kehadiran teknologi sebagai pemangkin utama. Teknologi, yang kini menjadi sebahagian tidak terpisahkan dalam kehidupan moden, telah menyatu dalam amalan harian umat Islam melalui aplikasi pengurusan ibadah seperti Muslim Pro dan Quran Majeed. Platform digital tidak hanya menyediakan akses pantas kepada jadual waktu solat, imsak, dan tafsir Al-Quran, tetapi juga membentuk ruang maya untuk penyebaran ilmu agama melalui ceramah dalam talian dan komuniti sokongan di media sosial. Namun, di sebalik kemudahannya, era digital turut menguji kesabaran melalui gangguan konten hiburan dan risiko maklumat tidak sahih. Justeru, keseimbangan antara pemanfaatan teknologi dan pengekalan nilai spiritual puasa menjadi kunci utama dalam memastikan Ramadan tetap menjadi bulan tarbiah diri yang utuh, selaras dengan tujuan asal ibadah puasa iaitu mencapai ketakwaan.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang sebelum kamu agar kamu bertakwa." (Surah Al-Baqarah: 183)

Bulan Ramadan merupakan bulan yang istimewa bagi umat Islam, tetapi dalam era digital ini, generasi masa kini berhadapan dengan cabaran yang memberi impak kepada pengalaman ibadah mereka. Salah satu cabaran utama adalah godaan media sosial dan hiburan digital yang tidak berkesudahan. Perhatian sering teralih kepada skrin telefon pintar, mengganggu fokus ibadah, terutamanya ketika solat tarawih atau membaca Al-Quran. Notifikasi aplikasi yang berterusan dan keinginan untuk sentiasa mengemas kini status di platform sosial media boleh menghakis masa yang sepatutnya digunakan untuk meningkatkan kerohanian dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Sebagai langkah mengimbangi kesan teknologi terhadap ibadah puasa, pendekatan yang harmoni perlu diterapkan oleh umat Islam di bulan yang mulia ini. Konsep 'Puasa Gajet' merujuk kepada disiplin mengawal penggunaan peranti digital dan media sosial semasa

Ramadan bagi memelihara kesucian ibadah, selaras dengan saranan untuk menjaga lidah dan jari daripada perkara yang boleh menjejaskan tujuan ibadah puasa di platform digital (Rahim, 2023). Amalan ini bukan sekadar mengehaskan masa skrin, tetapi melibatkan kesedaran untuk mengelakkan kandungan tidak berfaedah, scroll tidak produktif, serta interaksi yang boleh mencetuskan dosa seperti mengumpat atau menyebarkan fitnah melalui komen. Pendedahan aib di media sosial bertentangan dengan konsep *hifz al-'ird* (menjaga maruah) dalam Islam, justeru pengguna perlu mematuhi etika digital seperti menutup aib, mengelak oversharing, dan memilih kandungan berunsur kerohanian.

Konsep *tabayyun* atau pengesahan maklumat menjadi semakin penting dalam era digital ini, terutamanya berkaitan ilmu keagamaan di media sosial. Pengguna media sosial, khususnya di aplikasi Tiktok, sering menggunakannya sebagai sumber maklumat agama. Namun terdapat cabaran dalam menentukan kesahihan maklumat tersebut (Ishak et al., 2014). Proses *tabayyun* melibatkan penelitian sumber, konteks, dan kandungan maklumat sebelum ia diterima atau disebarkan. Ini penting kerana penyebaran maklumat yang tidak sahih boleh membawa kepada salah faham dan pengamalan ajaran yang tidak tepat (Adlin et al, 2024). Menjadi keperluan untuk merujuk kepada sumber yang berautoriti seperti Al-Quran dan hadis sahih dalam menilai kesahihan maklumat Islam dalam talian (Ab Kadir et al., 2019). Selain itu, kemahiran digital dan kefahaman agama yang mendalam diperlukan untuk menapis maklumat dengan berkesan. Aplikasi konsep *tabayyun* ini bukan sahaja membantu dalam memastikan kesahihan maklumat agama, tetapi juga meneruskan tradisi keilmuan Islam yang mementingkan pengesahan sumber (Alit et al, 2023). Maka, *tabayyun* menjadi satu kemahiran yang perlu dipupuk untuk membentuk generasi Muslim yang celik digital dan berupaya menilai maklumat agama dengan bijaksana.

Al-Quran merupakan panduan utama bagi umat Islam dalam menghadapi pelbagai cabaran kehidupan, termasuk cabaran digital di bulan Ramadan. Peristiwa Nuzul al-Quran pada bulan Ramadan menunjukkan keistimewaan bulan ini sebagai masa untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui ibadah dan pembacaan Al-Quran. Pengamalan bacaan Al-Quran secara konsisten, terutamanya semasa Ramadan, boleh membantu mengawal psikologi dan meningkatkan kualiti diri seseorang. Ini boleh menjadi alternatif yang berkesan untuk mengatasi ketagihan media sosial dan cabaran digital lain. Mengamalkan 'detoks digital' dengan mengurangkan penggunaan gajet dan menyekat gangguan alam maya untuk tempoh tertentu (Nor Adnan, 2024, Faris, 2024), menggantikannya dengan aktiviti ibadah

seperti membaca Al-Quran dapat meningkatkan fokus, produktiviti, dan ketenangan. Dengan menjadikan Al-Quran sebagai sumber kekuatan rohani dan panduan, umat Islam dapat memanfaatkan teknologi secara bijak untuk meningkatkan ibadah, seperti menggunakan aplikasi Al-Quran dan platform ceramah agama dalam talian, sambil mengelakkan penggunaan berlebihan media sosial yang boleh mengganggu fokus ibadah (Nor, 2025).

Kesimpulannya, era digital telah membawa transformasi signifikan terhadap cara umat Islam mengamalkan ibadah Ramadan, dengan kehadiran teknologi menawarkan pelbagai kemudahan untuk menguruskan ibadah seperti aplikasi jadual waktu solat dan tafsir Al-Quran. Namun, cabaran digital seperti godaan media sosial dan penyebaran maklumat tidak sahih turut mengganggu fokus ibadah dan kualiti kerohanian. Untuk menghadapi cabaran ini, konsep 'puasa gajet', amalan *tabayyun*, dan pendekatan 'detoks digital' boleh diaplikasikan untuk memelihara kesucian ibadah dan meningkatkan kualiti kerohanian. Umat Islam dinasihatkan supaya bijak mengimbangi penggunaan teknologi dengan memastikan ia menjadi pembantu, bukan penghalang ibadah, dengan menjadikan Al-Quran sebagai panduan utama dan mengutamakan masa untuk muhasabah diri serta mendekatkan diri kepada Allah SWT terutama pada waktu-waktu utama ibadah. Usaha memperkasakan kemahiran *tabayyun* dan mengawal penggunaan digital juga akan membentuk Muslim yang celik digital dan mampu memaksimumkan manfaat teknologi tanpa menjejaskan nilai spiritual dalam ibadah puasa Ramadan.

Rujukan

- Ab Kadir, K., Sahari@Ashaari, N., & Mohamad Judi, H. (2019). Indikator kewibawaan maklumat Islam di media sosial melalui kesepakatan pakar. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(2), 499-522.
- Adlin, A. N., Azman, N. A., Rosli, S. K., & Syed Hassan, S. N. (2024). Isu dan cabaran pendidikan Islam era digitalisasi maklumat dan solusi berdasarkan panduan Quran dan Hadis. Dalam *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024)* (e-ISSN: 2811-4051). 17-18 Julai 2024.
- Alit, N. A., Shumsudin Yabi, & Mohd Yusuf Ismail. (2023). Aplikasi Tabayyun dalam Penerimaan Hadith dan Kepentingannya dalam Mengekang Penyebaran Hadith Palsu di Malaysia: Application of Tabayyun and Its Importance in Limiting the Spreading of Fabricated Hadith in Malaysia. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 10(1), 120-132.
- Faris, A. (2024, April 2). Navigating media consumption during Ramadan: Finding balance in a digital age. LinkedIn. <https://www.linkedin.com/pulse/navigating-media-consumption-during-ramadan-finding-balance-faris--diqqf>
- Ishak, M. S., Ahmad, M., Abdul Rahman, M. N., & Rofie, M. K. H. (2014). Penerimaan maklumat berkaitan Islam di Internet: Adakah tanggapan kredibiliti dipertimbangkan oleh golongan berpendidikan agama? Dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014)* (146-156). Batu Pahat, Johor, Malaysia, 9-10 April 2014.
- Nor, A. M. (2025, Mac 22). Ramadan digital, ibadah lebih fokus atau terganggu? *Malaya News Room*. <https://malayanewsroom.com/22/03/2025/ramadan-digital-ibadah-lebih-fokus-atau-terganggu/>
- Nor Adnan, A. K. (2024, Mac 20). Digital detox bantu legakan kesihatan mental. *BERNAMA*. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2280778>
- Rahim, F. (2023, April 6). 'Puasa Gajet': Jaga lidah, jari dan jangan dedah aib di media sosial. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/puasa-gajet-jaga-lidah-jari-dan-jangan-dedah-aib-di-media-sosial-413838>

Hikmah Ramadan: Memartabatkan Literasi Kewangan Individu



Oleh:

Mustafa Kamal Mat

Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan dan
Perniagaan, UiTM Cawangan Negeri
Sembilan, Kampus Rembau



Saflina Binti Azis

Pensyarah Kanan Fakulti Perakaunan,
UiTM Cawangan Negeri Sembilan,
Kampus Seremban

Ramadan kembali dengan seribu hajat di hati. Pelbagai niat dan janji dilafazkan dalam diri, untuk melakukan ibadah puasa ini dengan lebih baik dan teratur dari tahun sebelumnya. Melalui ibadah puasa, seseorang Muslim diajar dan dilatih agar memiliki karakter jujur, rajin, berjimati cermat serta mempunyai sifat menghormati antara sesama insan.

Bulan Ramadan ini dapat menjadi bulan untuk kita berjimati cermat kerana kita hanya makan dan minum semasa bersahur dan juga semasa berbuka. Namun begitu, jika nafsu tidak dikawal dengan baik, bulan Ramadan boleh menjadi bulan pembaziran. Kita perlu berhati-hati semasa berbelanja kerana sentiasa didorong oleh nafsu lapar dan dahaga terutamanya semasa keadaan perut lapar, semua makanan dan minuman yang dilihat, akan diinginkan.

Bagi menggalakkan sifat jimat berbelanja dan menghindari daripada boros, setiap Muslim perlu mempunyai tahap literasi kewangan atau celik kewangan yang tinggi. Literasi kewangan ialah satu set kesedaran, pengetahuan, kemahiran, sikap dan tingkah laku yang membolehkan individu membuat keputusan kewangan dengan bijak. Ia merupakan salah satu faktor yang telah dikenalpasti mampu mempengaruhi pembuatan keputusan kewangan seseorang individu. Ia juga penting sebagai usaha untuk mencapai kesejahteraan kewangan. Dalam kata lain, pembuatan keputusan kewangan penting dalam menjamin kesejahteraan hidup seseorang individu terutama sekali dalam era lanskap kewangan serba canggih dan berteknologi tinggi.

Sebagai langkah awal, setiap individu hendaklah merancang belanjawan bulanan terlebih dahulu sebelum berbelanja sepanjang bulan Ramadan. Apabila adanya belanjawan ini, setiap perbelanjaan akan mengikut kemampuan kewangan seseorang dan tidak mudah tersasar. Justeru, perancangan sebegini dapat mengelakkan individu tidak terlebih pakai duit untuk membeli makanan semata-mata.

Sebenarnya amat penting untuk kita membuat anggaran perbelanjaan bulanan. Dengan menyediakan anggaran yang terperinci, individu dapat melihat dengan jelas pendapatan dan perbelanjaan setiap bulan. Anggaran perbelanjaan seharusnya meliputi keperluan asas secara menyeluruh, seperti makanan, tempat tinggal, pengangkutan, utiliti, serta perbelanjaan lain seperti hiburan, pakaian, dan hobi.

Dengan memperuntukkan jumlah yang sesuai untuk setiap kategori perbelanjaan dapat mengelakkan pembaziran dan menguruskan wang dengan lebih berkesan. Dengan penyediaan anggaran perbelanjaan bulanan minimum untuk pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan untuk isi rumah yang berbeza. Justeru itu, perancangan dan kawalan pembelian sangat penting supaya tidak boros berbelanja bak bidalan 'ukur baju di badan sendiri'.

Gunakan peluang ketika Ramadan kali ini untuk berubah ke situasi lebih baik dan sempurna. Setiap individu perlu berhadapan dengan pembuatan keputusan kewangan setiap hari dalam kehidupannya. Jika diteliti kehidupan seharian dalam bulan Ramadan, keperluan elemen kewangan bermula seawal bangun sahur sehinggalah ke waktu selepas solat Terawih di malam hari. Keputusan dibuat merangkumi keperluan kewangan perbelanjaan makan dan minum yang melibatkan sahur, berbuka dan moreh, bil air dan elektrik bagi kegunaan siang dan malam, pakaian serta pengangkutan yang kebanyakannya adalah keperluan asas untuk kehidupan.

Semua aktiviti kehidupan seharian ini melibatkan perbelanjaan yang pastinya memerlukan satu aliran tunai wang masuk dan keluar yang stabil. Secara umumnya, aliran wang masuk individu hanya berlaku sebulan sekali ataupun dua kali sahaja mengikut jadual pembayaran gaji dan kerja lebih masa mereka. Ini memperlihatkan bahawa kekerapan aliran wang keluar berlaku lebih banyak berbanding kekerapan wang masuk individu. Situasi sebegini akan mengakibatkan wujudnya keadaan kekangan terhadap sumber kewangan dan memerlukan individu membuat keputusan kewangan yang bijak dan pantas. Tidak dinafikan dengan keadaan

Dengan kemajuan yang pantas dalam ekonomi dunia yang dipacu oleh proses digitalisasi dan Revolusi Industri 4.0, menyebabkan literasi kewangan menjadi lebih penting dan kritikal berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Berikutan itu penawaran produk dan perkhidmatan kewangan yang lebih kompleks dan berteknologi tinggi semakin meningkat dalam pasaran kewangan.

Menguruskan kewangan dengan cermat dan berhemah juga antara tuntutan dalam Islam. Sebagai umat Islam, kita yakin bahawa setiap punca pendapatan dan perbelanjaan

harta adalah antara perkara yang akan dipertanggungjawabkan ke atas seorang Muslim pada hari akhirat kelak. Oleh itu, amatlah baik jika keberkatan dan pengajaran yang diperoleh daripada bulan Ramadan diterjemahkan secara baik ke dalam urusan kewangan kehidupan individu.

Secara khusus, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa individu dewasa yang mempunyai tahap celik kewangan yang tinggi juga mempunyai tahap kesejahteraan kewangan dan daya tahan kewangan lebih tinggi, selepas mengambil kira ciri sosioekonomi individu. Literasi kewangan telah diterima secara meluas sebagai suatu yang sangat penting dalam membantu pembangunan ekonomi individu dan negara. Namun begitu, mengikut kajian terkini, tahap literasi kewangan secara umumnya masih rendah di kalangan individu di hampir semua negara di dunia. Keadaan begini menunjukkan satu kebimbangan besar kepada sesebuah negara kerana ia boleh merencatkan pembangunan ekonomi negara diakibatkan tahap literasi kewangan yang rendah.

Hakikatnya, bulan Ramadan dapat menebalkan rasa syukur dalam diri setiap umat Islam. Apabila diletakkan dalam konteks pengurusan kewangan yang berdaya tahan, kesyukuran ini membawa maksud faham akan 'rasa cukup' dalam kehidupan. Jika timbul rasa tidak cukup dalam diri, ia mungkin menjadi racun dalam pengurusan kewangan. Perasaan ini akan membuatkan individu selalu mahu berbelanja walaupun pembelian itu tidak rasional dan betul-betul bermanfaat.

Semoga Ramadan tahun ini dapat menguatkan lagi keinginan umat Islam untuk kekal berdaya tahan bagi mengurus kewangan. Bulan mulia ini cukup sinonim sebagai platform untuk melakukan perubahan yang baik demi pembangunan ummah. Sebaiknya umat Islam sendiri lah yang harus bersatu untuk membela nasib sendiri dengan mengubah sikap agar menjadi lebih terbuka, rajin mencari ilmu, mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran serta mencari peluang untuk lebih maju.

SERAMBI WAHYU

Ramadhan Bulan Al-Quran

Berkata al-Rabi' bin Sulaiman:

كان الشافعي يختتم القرآن
في شهر رمضان ستين ختمة

"Adalah Imam al-Syafie mengkhataamkan al-Quran di bulan Ramadhan sebanyak 60 kali".

-Dr. Redha-

Kritikan Penyiaran: Memperkasakan Program Bertemakan Keagamaan di Bulan Ramadan



Oleh:

Shahril Anuar Abdul Ghalim

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan
Pengajian Media (FKPM),
UiTM Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Bulan Ramadan sememangnya bulan yang dinanti-nantikan oleh seluruh umat Islam didunia. Bulan ibadah yang mempunyai pelbagai keistimewaan dan pengertian bagi umat Islam keseluruhannya. Ramadan dimana umat Islam akan menjalani ibadah puasa selama sebulan, menunaikan solat Tarawih, memperbanyakkan membaca Al-Quran, mencari Lailatul Qadar, memperingati Nuzul Al-Quran, bersedekah, dan melipatgandakan segala kebaikan sebagai insan untuk menjadi yang lebih baik. Bulan yang sangat bermakna dan disambut dengan penuh keinsafan.

Media penyiaran juga tidak terkecuali apabila kita memperkatakan tentang pengertian dan keistimewaan ramadan. Kehadirannya secara tidak langsung mengubah lanskap kandungan siaran pelbagai program yang direncanakan bagi tatapan umum. Kesemuanya diadun bagi meraikan kedatangan bulan ramadhan dan kesesuaian kandungan lebih terarah kepada aspek pendidikan serta kerohanian kepada masyarakat. Sebagai medium penyampaian kepada masyarakat, sudah semestinya media penyiaran menjadi tumpuan masyarakat untuk turut serta menghayati bulan yang mulia ini. Keperibagaian kandungan program amat dinanti-nantikan dan sentiasa tanpa jemu menyantuni khalayak penonton.

Sudah semestinya tema keagamaan menjadi tumpuan pihak TV stesyen untuk membanjiri program-program di saluran yang tersedia. Antara program-program yang kerap ditayangkan sepanjang bulan Ramadan seperti Dokumentari, rancangan Majalah, Bual Bicara, Pesanan Khidmat Masyarakat, Iklan, Telefilem dan Drama yang banyak memaparkan keindahan Islam itu secara keseluruhannya. Perubahan waktu siaran juga dilakukan bagi penyesuaian bulan ramadan seperti siaran ketika bersahur. Saban tahun pihak stesen TV akan menyediakan program yang bersesuaian dan kepelbagaian kandungan yang dapat menjadi santapan kerohanian bagi umat Islam di Malaysia.

Kandungan ilmiah dan mesej keinsafan disajikan sebagai menghormati bulan ramadhan serta menjadi sumber pendidikan kepada masyarakat. Lazimnya, kandungan akan berlandaskan kisah kegemilangan Islam dari sudut sejarah dan perkembangannya, kisah para Nabi dan Rasul serta tokoh-tokoh keilmuan Islam terdahulu,

pembudayaan Al-Quran dalam kehidupan, kisah kemasyarakatan yang penuh dengan keinsafan dan kerohanian dengan jalan cerita yang pelbagai serta alunan lagu yang memberikan sentuhan yang mampu mendamaikan hati nurani masyarakat tentang keimanan. Semuanya diadun dengan berkesan dan mampu menghadirkan impak positif dalam diri penonton. Sambutan dari penonton amat menggalakkan dan sering menjadi asas kepada kepelbagaian program yang bakal diterbitkan pada masa akan datang.

Bukan terhad pada televisyen sahaja, malah media tradisional yang lain juga turut bersama merancang program yang bersesuaian contohnya siaran radio. Radio antara yang aktif dan sangat dekat dihati masyarakat kerana ianya mudah dicapai walaupun ketika sedang memandu kenderaan. Kebiasaannya radio akan senantiasa menemani kita setiap hari tanpa kita sedar. Ketika perjalanan pergi dan pulang bekerja sudah tentu ianya akan melunakkan telinga kita dengan pelbagai slot yang menarik. Kebenarannya, banyak infomasi yang berguna berteraskan ibadah dibulan puasa yang disediakan seperti contoh pelbagai tips-tips berpuasa, sesi soal jawab bersama ilmunan, resepi sajian berkhasiat dan pelbagai lagi yang berjaya mencuri masa pemanduan kita dengan maklumat yang berfaedah. Begitulah hebatnya persediaan kandungan media penyiaran berfungsi untuk menjadikan ramadan bulan yang penuh dengan ilmu pengetahuan sebagai sumber pendidikan kepada masyarakat.

Persoalannya, jika kita mampu untuk menyemarakkan semangat ramadan dengan pelbagai program yang teratur dan terancang, mengapa ianya terhenti atau khusus pada bulan-bulan tertentu sahaja? Begitu juga dengan corak tontonan yang mendambakan program yang bertemakan keagamaan hanya pada waktu-waktu tertentu sahaja. Sedangkan jika kita berpegang dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat sudah tentu program-program bertemakan keagamaan ini harus dijadikan salah satu teras untuk diangkat sepanjang masa dan mempunyai kesinambungan yang meyakinkan. Ini adalah penting kerana media penyiaran adalah salah satu kaedah atau method yang terbaik dan berkesan untuk menerapkan serta memperkasakan kesucian Islam secara terancang melalui pendekatan program yang disajikan. Media penyiaran perlu sebaik mungkin untuk melakukan perubahan kandungan supaya mesej keagamaan dapat diterapkan dan disesuaikan mengikut keperluan. Jangan hanya dibulan ramadan sahaja keinsafan dititipkan sedangkan diwaktu lain dipenuhi dengan rancangan hiburan yang meleakakan.

Puisi: Ramadan Merintis Celik Kewangan



Oleh:

Mustafa Kamal Mat

Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan dan
Perniagaan, UiTM Cawangan Negeri
Sembilan, Kampus Rembau

Ramadan yang mulia menjelma kini
Terserlah wajah gembira berseri-seri
Membawa rahmat kepada manusiawi
Renungi diri, Ketika hati belum mati

Ramadan bulan melatih diri
Celik kewangan, sifat boros perlu dijauhi
Bijak uruskan pendapatan sendiri
Hujung bulan poket masih berisi

Perancangan belanjawan, langkah utama dituruti,
Catat setiap aliran, baik masuk mahupun pergi,
Simpanan di isi, berbelanja secara teliti,
Kebebasan kewangan, bukan hanya mimpi.

Pendidikan kewangan, kekuatan yang hakiki
Bijak literasi, hidup terancang lebih positif
Bukan sekadar membeli, tetapi risiko harus difahami
Kewangan yang stabil, banyak masalah boleh diatasi

Tuntutlah ilmu tanpa kesudahan
Terserlah kebijaksanaan dalam segala tindakan
Setiap rezeki pasti ada keberkatan
Mengawal kewangan untuk pimpin kehidupan

Mulakan langkah mulai Ramadan kali ini
Kita tidak tahu esok atau lusa, ada ke lagi,
Usah bertangguh, paksalah diri.

Jika bukan hari ini, bila lagi?
Jika tidak di sini, mana lagi?
Jika bukan diri sendiri, siapa lagi?
Biarpun permulaan hanya sedikit, konsisten mampu jadi bukit.

Memupuk Motivasi Diri Melalui Amalan Spiritual Di Era Digital



Oleh:

Nurul Nisha Mohd Shah

Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.



Mohd Radzman Basiron

Pengarah Kreatif, Sixtysix Action Academy

Revolusi teknologi telah mengubah landskap kehidupan manusia secara drastik, menjadikan alat-alat digital sebagai komponen integral dalam rutin harian masyarakat moden. Statistik terkini daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada tahun 2020 mendedahkan satu realiti yang mengejutkan: lebih 90% rakyat Malaysia dalam lingkungan umur 15 hingga 40 tahun merupakan pengguna aktif media digital. Angka ini bukan sekadar nombor, tetapi mencerminkan satu transformasi mendalam dalam cara kita berinteraksi, belajar, dan bahkan mengamalkan kepercayaan agama.

Fenomena ini telah mencetuskan satu paradigma baharu dalam konteks amalan spiritual Islam. Teknologi moden kini bukan lagi dilihat sebagai ancaman kepada nilai-nilai tradisional, sebaliknya ia menawarkan platform inovatif untuk menghidupkan dan memperkasakan amalan keagamaan. Aplikasi mudah alih, podcast, dan komuniti dalam talian telah muncul sebagai alat-alat baharu dalam usaha memupuk dan meningkatkan motivasi diri berasaskan prinsip-prinsip Islam.

Kehadiran teknologi dalam ruang spiritual ini membuka dimensi baharu dalam cara umat Islam menghayati dan mengamalkan ajaran agama mereka. Sebagai contoh, kemudahan untuk mengakses terjemahan dan tafsir Al-Quran melalui aplikasi telah memudahkan proses pembelajaran dan penghayatan kitab suci ini. Begitu juga dengan keupayaan untuk mendengar ceramah agama atau zikir melalui podcast semasa dalam perjalanan ke tempat kerja, yang telah mengoptimalkan penggunaan masa untuk tujuan spiritual.

Integrasi teknologi dalam amalan spiritual ini membawa bersamanya cabaran-cabaran unik. Isu-isu seperti kesahihan sumber digital, risiko ketagihan skrin, dan kemungkinan pengabaian interaksi sosial fizikal dalam konteks keagamaan perlu ditangani dengan bijak. Keseimbangan antara pemanfaatan teknologi dan pengekalan esensi tradisional

amalan Islam menjadi satu aspek kritikal yang perlu diberikan perhatian.

Fenomena ini juga telah mencetuskan perbincangan dalam kalangan sarjana Islam kontemporari tentang had-had penggunaan teknologi dalam amalan agama. Persoalan seperti kesahihan solat yang dipandu oleh aplikasi, atau nilai tawaf virtual berbanding tawaf fizikal, menjadi topik-topik perbincangan yang hangat dalam wacana Islam moden.

Podcast ceramah agama juga telah muncul sebagai medium yang berkesan untuk menyampaikan ilmu dan inspirasi Islam dalam format yang mudah diakses. Contohnya, podcast "Kuliah Tafsir" oleh Ustaz Dr Mohamed Fatris Bakaram di Singapura telah mendapat sambutan yang menggalakkan, dengan ribuan pendengar setiap minggu. Keupayaan untuk mendengar ceramah agama semasa dalam perjalanan atau melakukan aktiviti harian lain membolehkan pengguna memanfaatkan masa dengan lebih efisien untuk meningkatkan ilmu dan motivasi diri.

Komuniti atas talian untuk sokongan rohani juga telah berkembang pesat. Platform seperti Facebook dan Instagram kini mempunyai banyak kumpulan dan halaman yang didedikasikan untuk perkongsian ilmu dan sokongan spiritual. Sebagai contoh, halaman Facebook "Asatizah Youth Network" di Singapura telah menjadi platform popular untuk belia Muslim berkongsi pengalaman dan mendapatkan nasihat agama. Interaksi dalam komuniti sebegini dapat membantu individu merasa terhubung dan termotivasi dalam perjalanan spiritual mereka.

Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi untuk tujuan spiritual juga membawa cabaran tersendiri. Kajian oleh Universiti Malaya pada tahun 2019 mendapati bahawa 30% pelajar universiti di Malaysia menunjukkan simptom ketagihan media sosial. Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang keseimbangan antara penggunaan teknologi untuk tujuan spiritual dan risiko ketagihan digital. Oleh itu, adalah penting untuk mengamalkan penggunaan teknologi secara sederhana dan bijak, selaras dengan prinsip wasatiyyah (kesederhanaan) dalam Islam.

Dari perspektif teori, konsep ini boleh dikaitkan dengan Teori Determinisme Teknologi yang diperkenalkan oleh Marshall McLuhan. Teori ini menyatakan bahawa teknologi membentuk cara manusia berfikir dan bertindak dalam masyarakat. Dalam konteks amalan spiritual di era digital, teknologi telah mengubah cara umat Islam mengakses dan mengamalkan ajaran agama. Namun, penting untuk diingat bahawa teknologi hanyalah alat, dan keberkesanannya dalam meningkatkan motivasi diri bergantung pada niat dan cara penggunaannya.

Dalam usaha untuk memanfaatkan teknologi digital secara optimum bagi tujuan spiritual, beberapa langkah strategik boleh dilaksanakan. Langkah-langkah ini bukan sahaja bertujuan untuk memaksimumkan faedah teknologi, tetapi juga untuk memastikan keseimbangan antara amalan digital dan tradisional dalam kehidupan beragama. Pertama, pemilihan aplikasi dan sumber digital yang sah serta diiktiraf oleh ulama merupakan langkah yang amat kritikal.

Dalam era di mana maklumat tersebar dengan pantas, adalah penting untuk memastikan bahawa sumber-sumber digital yang digunakan untuk tujuan spiritual adalah tepat dan boleh dipercayai. Ini termasuklah aplikasi Al-Quran digital, tafsir dalam talian, dan podcast ceramah agama. Pengguna perlu meneliti latar belakang pengendali aplikasi atau sumber tersebut, mencari pengesahan daripada badan-badan agama yang diiktiraf, dan merujuk kepada ulama tempatan untuk mendapatkan panduan. Sebagai contoh, aplikasi seperti "Muslim Pro" yang telah mendapat pengiktirafan daripada pelbagai pihak berkuasa agama boleh menjadi pilihan yang sesuai.

Kedua, menetapkan masa khusus untuk amalan spiritual digital merupakan satu strategi yang berkesan untuk memastikan konsistensi dalam amalan keagamaan. Ini boleh dilakukan dengan menjadualkan waktu tertentu setiap hari untuk aktiviti seperti mendengar podcast ceramah agama, membaca Al-Quran digital, atau mengikuti kelas agama dalam talian. Penetapan masa ini bukan sahaja membantu dalam membentuk rutin harian yang positif, tetapi juga memastikan bahawa amalan spiritual tidak diabaikan dalam kesibukan kehidupan seharian. Sebagai contoh, seseorang mungkin memilih untuk mendengar podcast tafsir Al-Quran selama 15 minit setiap pagi sebelum memulakan kerja, atau membaca Al-Quran digital selama 30 minit setiap malam sebelum tidur.

Ketiga, adalah amat penting untuk mengimbangi penggunaan teknologi dengan amalan spiritual tradisional. Walaupun teknologi digital menawarkan banyak kemudahan, ia tidak seharusnya menggantikan sepenuhnya amalan-amalan tradisional yang telah terbukti keberkesanannya dalam membina hubungan dengan Allah SWT dan masyarakat. Amalan seperti solat berjemaah di masjid, menghadiri majlis ilmu secara fizikal, dan berinteraksi secara langsung dengan guru-guru agama masih memainkan peranan penting dalam pembangunan spiritual seseorang Muslim. Keseimbangan ini boleh dicapai dengan menghadiri kuliah agama di masjid atau surau pada hujung minggu sambil menggunakan aplikasi peringatan solat pada hari-hari bekerja.

Selain itu, adalah penting untuk sentiasa menilai dan mengkaji semula penggunaan teknologi dalam amalan spiritual. Ini termasuklah memantau masa yang dihabiskan untuk amalan digital berbanding amalan tradisional, menilai keberkesanan aplikasi atau sumber yang digunakan, dan sentiasa terbuka untuk meneroka kaedah-kaedah baharu yang mungkin lebih berkesan. Penilaian berkala ini membolehkan seseorang untuk mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam kehidupan beragama mereka, sambil memastikan bahawa esensi dan kedalaman amalan spiritual tidak terjejas.

Oleh itu, dengan mengambil langkah-langkah ini secara teliti dan konsisten, seseorang Muslim dapat memanfaatkan teknologi digital secara optimum untuk meningkatkan amalan spiritual mereka. Pendekatan yang seimbang dan bijak ini bukan sahaja membolehkan mereka mengikuti perkembangan teknologi terkini, tetapi juga mengekalkan keaslian dan kedalaman amalan keagamaan tradisional yang telah terbukti keberkesanannya sejak zaman-berzaman. Penggabungan amalan spiritual Islam dengan teknologi moden membuka satu lembaran baharu dalam usaha meningkatkan motivasi diri umat Islam. Ia menawarkan peluang-peluang baharu yang menarik, namun pada masa yang sama menuntut pendekatan yang berhemah dan seimbang. Cabaran utama kini adalah untuk memanfaatkan teknologi ini secara optimum tanpa mengorbankan esensi dan kedalaman amalan spiritual Islam yang sebenar seterusnya membantu meningkatkan kesejahteraan spiritual dan motivasi diri.

Kesimpulannya, era digital menawarkan peluang yang luas untuk memupuk motivasi diri melalui amalan spiritual. Namun, cabaran seperti risiko ketagihan digital perlu diambil kira. Dengan pendekatan yang seimbang dan bijak, teknologi digital boleh menjadi alat yang berkesan dalam memperkukuhkan amalan spiritual dan meningkatkan motivasi diri umat Islam di era moden ini.

Puisi: Dengar dan Lihatlah Insan



Oleh:

Shahril Anuar Abdul Ghalim

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan
Pengajian Media (FKPM),
UiTM Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Sedetik sedar Ramadhan menjelma
Ibadah berpuasa keimanan diuji
Tiap insan seikhlas bersama
Memperbaiki diri mengukir janji

Bulan Ramadhan bulan barakah
Tundukkan nafsu tuntutlah ilmu
Baiki niat betulkan langkah
ketahuilah cara memudahkan kamu

Menjadi perantara pelbagai perkara
Media tradisional kewujudan dirasa
Radio dan TV beraksi berbicara
Dengar dan lihat berbaktilah masa

Tema keagamaan tiupan sandaran
Bagi yang terleka diulang pesanan
Rakaman kehidupan titian pengajaran
Sederap diangkat pendengar tontonan

Berkisar cerita penghujahan dahulu
Dipersiapkan rancangan diperkemas persembahan
Mendidik memberitahu segala yang perlu
Pelengkap kerohanian semangat Ramadhan

Kupasan genre bersadur penghayatan
Kandungan program kesesuaian waktu
Mesej diterjemah dikurnia kesempatan
Keberkatan ilmu Insya-Allah mambantu

Seindah Jalinan Ukhwah



Nurul Hidayah Mansor

Pensyarah Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah

Alhamdulillah, 7 Februari 2025 keluarga besar ACIS UiTM kembali berkumpul dalam suasana penuh kasih sayang dan keakraban melalui Jamuan Makan Keluarga Besar ACIS UiTM Cawangan Negeri Sembilan dengan bertemakan "Seindah Jalinan Ukhwah", majlis ini bukan sekadar sebuah pertemuan, tetapi satu ikatan erat yang menyatukan hati dalam keberkatan dan kegembiraan.

Semoga kebersamaan ini terus mengukuhkan persaudaraan, mempererat silaturahmi, dan membawa keberkatan dalam setiap langkah kita. Terima kasih kepada semua yang hadir dan memeriahkan majlis ini! Salam ramadhan kareem,

#ACISUiTM #SeindahJalinanUkhwah #JamuanKeluargaACIS
#SilaturahmiTerpelihara



Jalinan Mahabbah ke Pejabat Penolong Rektor Kampus Seremban



Nasif Sidquee Pauzi

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah

Koordinator Kursus ACIS Kampus Seremban bersama Ketua Pusat Pengajian melakukan kunjungan hormat ke Pejabat Penolong Rektor Kampus Seremban bagi mengalu-alukan kehadiran Dr Hazira Mohd Nasir, Penolong Rektor yang baharu dilantik. Beliau menyampaikan hasrat dan cita-cita agar ACIS dapat bekerjasama sebagai sebuah pasukan bersama dengan semua bahagian di UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Selamat Datang dan Selamat Bekerjasama Dr. Ira!!

